

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah lesen kelab mesin slot dan lesen mesin slot dalam kelab di setiap negeri yang dipulihkan dari tahun 2014 hingga 30 April 2015 walaupun tempoh kesahan (validity) lesen-lesen itu telah tamat. Jika benar, apakah sebab lesen kelab-kelab dan mesin slot tersebut dapat dipulihkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar kerajaan pada masa ini adalah tidak mengeluarkan sebarang lesen baru untuk mesin perjudian kepada mana-mana pihak. Sehubungan itu, tiada lesen kelab mesin slot yang telah tamat tempoh kesahan (validity) dipulihkan dari tahun 2014 hingga 30 April 2015.